

SISTEM PENJUALAN BARANGAN HARIAN SECARA ATAS TALIAN  
BERSERTA PENGHANTARAN BERSAMA  
PENGUSAHA TUKAR ( e-TUKAR)

MOHD FARHAN BIN MOHD NOH

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

SISTEM PENJUALAN BARANGAN HARIAN SECARA ATAS TALIAN  
BERSERTA PENGHANTARAN BERSAMA  
PENGUSAHA TUKAR ( e-TUKAR)

MOHD FARHAN BIN MOHD NOH

Laporan ini dikemukakan sebagai  
Memenuhi sebahagian syarat penganugerahan  
Ijazah Sarjana Sains (Keusahawanan Teknologi Maklumat)

Fakulti Komputeran  
Universiti Teknologi Malaysia

JULAI 2013

***Dengan nama ALLAH yang Maha Pemurah Lagi Maha Pengasih***

*Teristimewa buat tatapan ayahanda Mohd Noh Shalan & bonda Siti Rohana Abdul Rahman serta ayahanda Abu Bakar Yeop & bonda Junaidah Nordin serta nenda yang selama ini banyak berkorban untuk diriku.*

*Buat adinda-adindaku yang dikasihi, Farhana, Faseha,Faten,Aiman.Tidak lupa juga kepada isteri yang dicintai, Juainiah Umi yang banyak berkorban dan bersabar selama ini serta kepada anak sulungku, Muhammad Afnan Faqihuddin semoga menjadi insan yang soleh dan berjaya. Dan kepada rakan-rakan SKIT yang membantu secara langsung atau tidak langsung.*

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, Syukur dipanjatkan kepada Allah SWT kerana dengan limpah kurniaNya saya dapat menyiapkan laporan projek ini dengan jayanya. Setinggi penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih buat isteri tersayang Juainiah Umi Binti Abu Bakar atas sokongan tidak berbelah bagi dan bantuan yang diberikan sepanjang menyiapkan projek pembangunan sistem e-TUKAR.

Ucapan ribuan terima kasih buat penyelia Dr. Mohd Shahizan Othman dan Dr Noor Hazarina Binti Hashim yang banyak memberikan nasihat dan tunjuk ajar sepanjang sistem ini dibangunkan. Terima kasih buat penyalaras Sarjana Sains (Keusahawanan Teknologi Maklumat), Dr. Mohd Zaidi Abd Rozan, juga buat semua pensyarah yang mengajar saya, mentor dan para usahawan yang tidak jemu berkongsi panduan dan tips berguna untuk berjaya menjadi usahawan berjaya. Tidak terkecuali rakan-rakan yang banyak berkongsi maklumat dan menjadi rujukan apabila adanya pertanyaan dan kemusikilan dalam menyiapkan sistem e-TUKAR.

Semoga dengan adanya sistem ini akan dapat di manfaatkan oleh pengguna dan akan mengalakkkan pembangun lain untuk memperkembangkan lagi fungsi dan memperluaskan peniagaan secara atas talian. Akhir kalam, Alhamdulillah dan terima kasih buat semua.

## ABSTRAK

Barangan harian merupakan barangan keperluan bagi setiap manusia. Setiap manusia dalam dunia ini perlu membeli barangan harian untuk keperluan sehari-hari mereka. Tetapi pelbagai masalah dan kekangan yang perlu ditempuhi ketika membeli barangan harian secara konvensional seperti kekangan dari segi masa, keselamatan perjalanan dan kesukaran membawa barangan yang dibeli di pasaraya. Pada tahun 2012, kerajaan Malaysia telah memperkenalkan Program Transformasi Kedai Runcit (TUKAR) di bawah Aktiviti Ekonomi Utama Nasional (NKEA) bagi membantu memodenkan kedai runcit tradisional supaya dapat berdaya saing dengan pasaraya besar yang lain. Pada akhir tahun 2012, sebanyak 512 pengusaha kedai runcit telah Berjaya menyertai program TUKAR dan dianggar sebanyak 5,000 pengusaha akan mengikuti program TUKAR menjelang tahun 2020. Matlamat utama projek ini adalah membangunkan satu sistem bagi membantu pengguna membeli barangan harian secara atas talian berserta dengan penghantaran di rumah dan membantu pengusaha TUKAR memasarkan barangan harian mereka secara atas talian dengan kos yang lebih murah dan berkesan. Berdasarkan kepada metodologi prototaip, sistem ini akan dibangunkan menggunakan bahasa pengatur caraan PHP dan pangkalan data menggunakan MySQL. Hasil projek adalah suatu sistem yang berupaya untuk membolehkan pelanggan membeli barangan harian secara atas talian dan pengusaha TUKAR dapat menjual barangan mereka secara atas talian.

## **ABSTRACT**

Groceries are some of the important things in human life. Every human in this world need to buy groceries everyday to fulfill their daily needs. But various problems and constraints to be encountered when buying groceries item such conventional terms of time constraints, travel safety and the difficulty in bringing the groceries purchased in the supermarket. In 2012, the Malaysian government introduced the Small Retailer Transformation Programme (TUKAR) under the National Key Economic Area (NKEA) to help modernize traditional grocer to be competitive with other large supermarket. At the end of 2012, a total of 512 retailer have successfully joined the TUKAR program and is estimated at 5,000 grocer will follow the TUKAR program by 2020. The main goal of this project is to develop a system to help customers buy groceries online with home delivery and assist TUKAR's grocer to market their groceries online with cheaper cost and effective. Based on the methodology of the prototype, the system will be developed using the PHP programming language and MYSQL for the database. Outcome of the project is a system that able to allow customers to purchase groceries online and TUKAR grocer can sell their product online.

## **KANDUNGAN**

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>HALAMAN</b>
<b>JUDUL</b>		i
<b>PENGAKUAN</b>		ii
<b>DEDIKASI</b>		iii
<b>PENGHARGAAN</b>		iv
<b>ABSTRAK</b>		v
<b>ABSTRACT</b>		vi
<b>KANDUNGAN</b>		vii
<b>SENARAI JADUAL</b>		xii
<b>SENARAI RAJAH</b>		xiii
<b>SENARAI ISTILAH</b>		xv
<b>SENARAI SINGKATAN</b>		xvi
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>		xvii
 <b>1 PENGENALAN</b>		
1.1 Pendahuluan		1
1.2 Latar Belakang Masalah		2
1.3 Pernyataan Masalah		3
1.4 Matlamat Projek		4
1.5 Objektif		4
1.6 Faedah Projek		4
1.7 Skop		5
1.8 Kepentingan Projek		5

## **2 KAJIAN LITERATUR**

2.1 Pendahuluan	7
2.2 Internet	7
2.3 Perkembangan Internet Di Malaysia	8
2.4 E-Dagang	10
2.5 Transformasi Kedai Runcit (TUKAR)	12
2.6 Perkembangan Pembelian Di Internet	15
2.7 Kajian Sistem Semasa	17
2.7.1 Portal DoorStep	17
2.7.2 Portal Virgrocery	19
2.7.3 Portal Redtick	21
2.8 Perbandingan Portal Sediaada	23
2.9 Rumusan	24

## **3 METODOLOGI PEMBANGUNAN**

3.1 Pendahuluan	25
3.2 Metadologi Yang Digunakan	26
3.2.1 Kelebihan Metadologi Prototipe Evolusi	28
3.2.2 Justifikasi Pemilihan Metodologi	29
3.2.3 Fasa Perancangan Sistem	29
3.2.4 Fasa Kajian Dan Analisis Sistem	30
3.2.5 Fasa Reka bentuk Sistem	30
3.2.6 Fasa Pembangunan Sistem	30
3.2.7 Fasa Pelaksanaan Dan Fasa Pengujian	31
3.3 Metadologi Pembangunan Sistem	31
3.4 Kanvas Modul Perniagaan e-TUKAR	32
3.4.1 Penawaran	33
3.4.2 Aktiviti	33
3.4.3 Segmen Pelanggan	33
3.4.4 Hubungan Pelanggan	33
3.4.5 Jaringan Persahabatan	33
3.4.6 Sumber Pembiayaan	34
3.4.7 Pengedaran	35
3.4.8 Struktur Kos	35

3.4.9	Hasil Keuntungan	35
3.5	Analisis Keperluan Sistem	35
3.5.1	Keperluan Perkakasan	36
3.5.2	Keperluan Perisian	37
3.6	Rumusan	38
<b>4</b>	<b>REKA BENTUK AWALAN</b>	
4.1	Pendahuluan	39
4.2	Rajah Kes guna	40
4.2.1	Penerangan Actor	41
4.2.2	Penerangan Kes guna Pelanggan	41
4.2.2.1	Pendaftaran	42
4.2.2.2	Kemas kini Maklumat	42
4.2.2.3	Papar Bantuan	42
4.2.2.4	Papar Katalog	42
4.2.2.5	Carian	43
4.2.2.6	Transaksi Pembelian	43
4.2.2.7	Transaksi Pembayaran	43
4.2.2.8	Pilih Slot Penghantaran	44
4.2.2.9	Semak Sejarah Pembelian	44
4.2.2.10	Semak Status Pembelian	44
4.2.3	Penerangan Kes guna Pengusaha	44
4.2.3.1	Pendaftaran	45
4.2.3.2	Kemas kini Maklumat	46
4.2.3.3	Kemas kini Rekod Pesanan	46
4.2.3.4	Kemas kini Rekod Pembayaran	46
4.2.3.5	Kemas kini Rekod Penghantaran	46
4.2.3.6	Kemas kini Kredit	46
4.2.4	Penerangan Kes guna Pentadbir Sistem	47
4.2.4.1	Kemas kini Akaun Pengguna	47
4.2.4.2	Kemas kini Katalog	48
4.2.4.3	Kemas kini Rekod Pesanan	48
4.2.4.4	Kemas kini Rekod Pembayaran	48
4.2.4.5	Kemas kini Rekod Penghantaran	48

4.2.4.6	Kemas kini Kredit	49
4.2.5	Penerangan Kes guna Syarikat Kad Kredit / Bank	49
4.2.5.1	Menerima Bayaran	49
4.2.5.2	Hantar Pengesahan Pembayaran	50
4.3	Aliran Kerja Fasa Reka bentuk	50
4.3.1	Reka bentuk Antara muka Sistem	50
4.3.2	Reka bentuk Pangkalan Data	51
4.4	Rumusan	52
<b>5</b>	<b>IMPLEMENTASI DAN PENGUJIAN</b>	
5.1	Pendahuluan	53
5.2	Implementasi	53
5.2.1	Pangkalan Data	54
5.2.2	Pembangunan Aplikasi	54
5.3	Data Input Dan Output Pelanggan	67
5.4	Hasil Projek	68
5.4.1	Muka Utama	68
5.4.2	Antara muka Pendaftaran Pengguna	69
5.4.3	Log Masuk Bagi Pelanggan, Pengusaha Dan Pentadbir	69
5.4.4	Antara muka Pelanggan	70
5.4.5	Antara muka Pengusaha	72
5.4.6	Antara muka Pentadbir	73
5.5	Pengujian	76
5.5.1	Hasil Pengujian	77
5.6	Rumusan	77
<b>6</b>	<b>PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN</b>	
6.1	Pendahuluan	78
6.2	Pencapaian	79
6.3	Kekangan Sistem	80
6.4	Kelebihan Sistem	81
6.5	Kelemahan Sistem	81

6.6 Cadangan Sistem	82
6.7 Rumusan	82
<b>RUJUKAN</b>	<b>84</b>
<b>LAMPIRAN A-I</b>	<b>86</b>

**SENARAI JADUAL**

<b>NO.</b>	<b>TAJUK</b>	<b>HALAMAN</b>
3.1	Spesifikasi Minimum Komputer Pelayan	36
3.2	Spesifikasi Minimum Komputer Pelanggan	37
3.3	Spesifikasi Minimum Komputer Pengusaha Premis	37
4.1	Jadual Yang Terkandung Di dalam Pangkalan Data	51

## **SENARAI JADUAL**

<b>NO.</b>	<b>TAJUK</b>	<b>HALAMAN</b>
2.1	Evolusi Internet ( Laudon, 2011)	8
2.2	Graf 10 Negara Pengguna Internet Teratas Di Asia ( Internet World Stats, 2009)	9
2.3	Graf Jumlah Pengguna Internet Di Malaysia Dan Pengguna Yang Membeli Barang Secara Atas Talian ( IDC)	10
2.4	Kuota Kedai Runcit (TUKAR) Mengikut Negeri Pada Tahun 2012	14
2.5	Usia Pembeli Dalam Talian DI Malaysia	15
2.6	Jenis Barang Yang Dibeli Secara Atas Talian Di Malaysia	16
2.7	Antara muka Portal DoorStep ( <a href="http://www.doorstep.com.my">www.doorstep.com.my</a> )	18
2.8	Antara muka Portal Virgrocery ( <a href="http://www.virgrocery.com">www.virgrocery.com</a> )	20
2.9	Antara muka Portal Redtick ( <a href="http://www.redtick.com.my">www.redtick.com.my</a> )	22
3.1	Fasa Prototaip Penjelajahan/ Evolusi	27
3.2	Kanvas Modul Perniagaan e-TUKAR	32
4.1	Rajah Kes guna Untuk Sistem e-TUKAR	40
4.2	Rajah Kes guna Pelanggan Sistem e-TUKAR	41
4.3	Rajah Kes guna Pengusaha Sistem e-TUKAR	45
4.4	Rajah Kes guna Pentadbir Sistem e-TUKAR	47
4.5	Rajah Kes guna Syarikat Kad Kredit/ Bank	49

4.6	Antara muka Website e-TUKAR	50
5.1	Atur cara Untuk Menghubungkan Pangkalan Data	54
5.2	Atur cara Untuk Pelanggan Mendaftar	55
5.3	Atur cara Untuk Kemas kini Maklumat	56
5.4	Atur cara Untuk Papar Bantuan	56
5.5	Atur cara Untuk Memaparkan Katalog	57
5.6	Atur cara Untuk Carian Produk	57
5.7	Atur cara Untuk Transaksi Pembelian	58
5.8	Atur cara Untuk Transaksi Pembayaran	59
5.9	Atur cara Untuk Pilih Set Masa Penghantaran	60
5.10	Atur cara Untuk Semak Sejarah Pembelian	60
5.11	Atur cara Untuk Mendaftar Pengusaha	61
5.12	Atur cara Untuk Kemas kini Rekod Pesanan	62
5.13	Atur cara Untuk Rekod Pembayaran	63
5.14	Atur cara Untuk Rekod Penghantaran	63
5.15	Atur cara Untuk Kemas kini Kredit	64
5.16	Atur cara Untuk Kemas kini Rekod Pesanan	64
5.17	Atur cara Untuk Melihat Rekod Pembayaran	65
5.18	Atur cara Untuk Rekod Penghantaran	65
5.19	Atur cara Untuk Kemas kini Kredit	66
5.20	Atur cara Untuk Kemas kini Akaun Pengguna	66
5.21	Atur cara Untuk Kemas kini Katalog	67
5.22	Antara muka Utama e-TUKAR	68
5.23	Antara muka Pendaftaran Pelanggan	69
5.24	Antara muka Log Masuk	70
5.25	Antara muka Pelanggan	70
5.26	Antara muka Pengusaha	72
5.27	Antara muka Pentadbir	73
5.28	Peratusan Penerimaan Pengguna Sistem e-TUKAR	76

**SENARAI ISTILAH****BAHASA MELAYU**

Perdagangan Elektronik  
Rajah Kes Guna  
Rajah Kelas  
Rajah AKtivi  
Secara Berdepan  
Bayaran Semasa Pengantaran  
Tertakluk Kepada Syarat  
Atas Talian  
Penebusan

**BAHASA INGGERIS**

*e-Commerce*  
*Use Case Diagram*  
*Class Diagram*  
*Activity Diagram*  
*Face To Face*  
*Cash On Delivery*  
*Term & Condition*  
*Online*  
*Redeem*

**SENARAI SINGKATAN**

PHP	<i>Pretext Hyper Preprocessor</i>
MARA	Majlis Amanah Rakyat
UTM	Universiti Teknologi Malaysia
WWW	<i>World Wide Web</i>
COD	<i>Cash On Delivery</i>
TUKAR	Transformasi Kedai Runcit
NKEA	Aktiviti Ekonomi Utama Nasional

**SENARAI LAMPIRAN**

<b>NO.</b>	<b>TAJUK</b>	<b>HALAMAN</b>
A	Carta Gantt Projek 1 dan Projek 2	86
B	Rajah Kelas e-TUKAR	88
C	Rajah Aktiviti Diagram e-TUKAR	89
D	Antara muka e-TUKAR	94
E	Brosur e-TUKAR	109
F	Poster e-TUKAR	110
G	Borang Soal Selidik	111
H	Keputusan Jadual dan Graf Soal Selidik	116
I	Rancangan Perniagaan e-TUKAR	118

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.1 Pendahuluan**

Kehidupan manusia pada masa kini saling berkaitan dengan Teknologi Maklumat. Perkembangan Teknologi Maklumat yang berkembang pesat membolehkan kehidupan pada masa kini bertambah mudah dan cepat. Oleh yang demikian, ia adalah satu peluang keemasan kepada usahawan untuk menceburi perniagaan yang berkaitan dengan Teknologi Maklumat memandangkan keperluannya semakin meningkat dari semasa ke semasa.

Antara peluang yang boleh di ambil oleh usahawan tidak lain tidak bukan adalah dalam bidang perniagaan. Aktiviti perniagaan boleh di kategorikan kepada dua jenis iaitu perniagaan luar talian dan perniagaan dalam talian . Menurut encyclopedia, luar talian bermaksud tidak bersambung dengan internet, perkhidmatan atas talian atau rangkaian dalaman. Manakala dalam talian bermaksud boleh digunakan dengan segera dan bersambungan dengan internet. Oleh itu, Perniagaan luar talian boleh di tafsirkan sebagai aktiviti perniagaan yang di jalankan tanpa melibatkan penggunaan internet dan perlu bersemuka dengan penjual seperti perniagaan kedai runcit. Manakala perniagaan dalam talian bermaksud aktiviti perniagaan yang dijalankan menggunakan penggunaan internet tanpa bersemuka dengan pelanggan seperti perniagaan menjual ebook di laman web.

Barangan harian merupakan barang keperluan bagi setiap manusia. Tetapi mengikut statistik menunjukkan jenis barang yang tertinggi di beli secara atas talian ialah barang yang berasaskan aktiviti perlancongan termasuk tiket kapal terbang dan buku. Ini menunjukkan penjualan barang harian masih dilakukan secara tradisional dan peluang untuk menjadikan barang harian dapat dijual atas talian adalah suatu peluang yang besar.

E-dagang merupakan term yang biasa digunakan untuk mengambarkan aktiviti perniagaan atas talian. Menurut Turban (2012), e-dagang digambarkan sebagai proses membeli, menjual, memindahkan, atau bertukar produk, perkhidmatan atau maklumat melalui rangkaian komputer, termasuklah Internet.

Bab ini menguraikan mengenai teknologi yang akan diimplementasikan dalam pembangunan sistem ini secara ringkas. Bab ini juga, akan menerangkan secara umum bagaimana sistem ini berfungsi. Masalah yang dihadapi oleh sistem juga diterangkan. Matlamat, objektif dan skop sistem disertakan dan pada akhir bab ini, faedah yang diperolehi oleh pengguna selepas sistem ini berjaya dibangunkan juga dijelaskan.

## 1.2 Latar Belakang Masalah

Setiap hari manusia meluangkan masa untuk membeli barang harian untuk keperluan sehari-hari kita. Masalah yang timbul ketika membeli barang harian secara konvensional ialah seperti mencari parkir, mencari barang harian, beratur untuk membayar, mengangkat barang yang telah dibeli, dan menempuh kesesakan jalan raya.

Sistem pembelian secara talian yang ada sekarang ini kurang bertumpu kepada barang keperluan harian seperti ikan, ayam, sayuran dan barang harian

lain. Kebanyakannya mengambil masa yang agak lama untuk sesuatu barang itu sampai apabila kita menyuruh kedai menghantar barang yang dipesan. Dan lebih teruk lagi apabila kedai tersebut terlupa kerana tidak mempunyai sistem yang sistematik.

Dengan pertumbuhan pesat pusat pasaraya luar negara seperti Jusco, Tesco dan Giant menyebabkan golongan pengusaha peruncitan yang kebanyakannya di pelopori oleh rakyat Malaysia menghadapi masalah yang kritikal terhadap perniagaan mereka. Menurut Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), Kerajaan telah mewujudkan sistem Transformasi Kedai Runcit (TUKAR) di bawah Aktiviti Ekonomi Utama Nasional (NKEA) bagi meningkatkan kualiti berdaya saing dan memodenkan kedai runcit yang sedia ada.

### **1.3 Penyataan Masalah**

Empat masalah umum yang telah dikenal pasti daripada hasil penyelidikan dan kajian literatur berkaitan dengan tajuk projek ini adalah seperti berikut:

- i) Pembelian barang harian secara tradisional menyebabkan pelanggan menghabiskan banyak masa yang berharga.
- ii) Penjualan barang harian di Malaysia pada masa kini masih secara tradisional dan luar talian seperti JUSCO, TESCO, GIANT dan kedai runcit termasuk kedai runcit yang telah menjalani program TUKAR.
- iii) Terdapat syarikat yang telah menjalankan perniagaan menjual barang harian di atas talian tetapi hanya tertumpu di sekitar Kuala Lumpur sahaja.
- iv) Masih tidak ada lagi di Malaysia yang menyediakan portal kepada semua pengusaha kedai barang harian untuk menjual barang mereka secara atas talian.

#### **1.4 Matlamat Projek**

Matlamat utama projek ini adalah untuk membangunkan sistem portal penjualan barang harian yang berasaskan web bagi memudahkan pengguna membeli barang harian tanpa perlu keluar dari rumah dan memudahkan pengusaha menjual barang harian seterusnya dapat mempromosikan premis mereka dengan lebih berkesan dan murah serta dapat meningkatkan keuntungan dengan menyediakan platform jualan atas talian.

#### **1.5 Objektif**

Bagi mencapai matlamat yang digariskan di atas, tiga objektif utama projek adalah seperti berikut:

- i) Menyediakan dua jenis cara pembayaran iaitu secara atas talian dan *Cash on Delivery* (bayaran semasa penghantaran)
- ii) Membentuk sistem yang membolehkan pelanggan membeli barang harian berserta dengan penghantaran.
- iii) Menyediakan sistem yang membolehkan pengusaha penjual barang harian berdasarkan tempoh masa yuran keahlian yang ditawarkan.

#### **1.6 Faedah Projek**

Faedah projek adalah hasil yang boleh diperolehi daripada projek yang dibangunkan. Berikut merupakan empat faedah projek yang diperolehi seperti berikut:

- i) Dapat memastikan barang dihantar tepat pada masanya dan barang yang diterima pelanggan adalah betul dan tepat.
- ii) Dapat membantu pengusaha yang telah menjalani program TUKAR menjual barang mereka secara atas talian.
- iii) Pengusaha premis perniagaan dapat meningkat hasil jualan.
- iv) Pengusaha premis dapat mempromosikan premis dan barang dengan lebih efektif dan berkesan serta murah.

## 1.7 Skop

Skop yang terdapat pada projek ini adalah seperti berikut:

- i) Sistem adalah berasaskan portal web.
- ii) Terhad kepada 300 jenis barang harian terpilih sahaja.
- iii) Bertumpu di kawasan Johor Bharu sahaja.
- iv) Hanya satu pengusaha bagi satu kawasan sahaja dan pengusaha yang telah berdaftar di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDKKK) menerusi program TUKAR.

## 1.8 Kepentingan Projek

Projek ini diharapkan dapat memudahkan pengguna untuk membeli barang harian secara atas talian tanpa memerlukan pengguna keluar daripada rumah kerana kaedah pembelian barang harian yang diamalkan pada masa sekarang adalah kurang efisen. Dengan adanya sistem portal ini juga dapat membantu pengusaha premis perniagaan TUKAR mempromosikan dan menjual produk mereka secara atas talian. Sekiranya sistem ini berjaya diimplementasikan dan dapat diterima pakai oleh

pengguna, maka ianya dapat memberikan faedah secara langsung dan tidak langsung kepada pengguna dan juga pengusaha program TUKAR.

## **RUJUKAN**

- Abdul Rashid, Nik Ramli Nik, Jusoff, Kamaruzaman, Mohamed Kassim, Kamsol. (2009). Eco-Labeling Perspectives amongst Malaysian Consumers: Retrieved on February 10, 2011 from: <http://cscanada.net/index.php/css/article/view/179/235>
- Alan Dennis (2005), system analysis and design with UML version 2.0, ISBN 978-0-471-65920-4
- Asean IDC Asia (2011). <http://www.asean.idc.asia/> online-shopping-statistics-in-malaysia.html
- Berners-Lee.(2000). Weaving the Web: The Original Design and Ultimate Destiny of the World Wide Web by its inventor. Britain: Orion Business
- Dawna Travis Dewire (1998). Thin Clients Delivering Information Over The Web: McGraw-Hill.
- Delone & McLean (2004). Measuring E-Commerce Success: Applying the DeLone & McLean Information System Success Model.
- Efraim Turban, David King (2012) : Electronic Commerce 2012: Managerial and Social Networks Perspectives : Prentice Hall
- Elaine D. Lawrence, Newton S. and Dann S. (1998). Internet Commerce: Digital Models for Business. UK: John Wiley & Sons
- Euromonitor International. (January 2011). Grocery Retailers in Malaysia: Retrieved on February 22, 2011.
- H.M. Deitel, P.J. Deitel dan T.R. Nieto. (2001). e-Business & e-Commerce. New Jersey, USA : Prentice Hall
- International Data Corporation (IDC), *Online Shopping Statistics in Malaysia*. <http://www.asean.idc.asia/>
- Internet World Stats.(2009). <http://www.internetworldstats.com/stats.htm>
- Kementerian Perdagangan Dalam Negeri,Koperasi Dan Kepengunaan. Aktiviti Ekonomi Utama Nasional (NKEA), PROGRAM TRANSFORMASI KEDAI

- RUNCIT (TUKAR). <http://www.kpdnkk.gov.my/web/guest/epp1/program-transformasi-kedai-runcit-tukar>
- Kenneth Laudon (2011). E-commerce. New Jersey, USA : Prentice Hall
- Kim, D.J., Song, Y.I, Braynov, S.B., and Rao, H.R. (2005). A multi- dimensional trust formation model in B-to-C e-commerce: a conceptual framework and content analyses of academia/practitioner perspective. *Decision Support Systems* 40 (2) 143-165.
- MaranGraphic. (2001). “PHP” Ontario,Canada : Hungry Minds. Approach” Singapore : McGraw-Hill.
- Mohd. Nizam Saad(2004). Penggunaan perisian laman web E-dagang / Mohd. Nizam Saad.
- Patrick G. McKeown, Watson (1997). Information Technology and the Networked Economy.USA : Cengage Learning
- Oliver, P.( 1997). Business model for global success. USA: Addison Wesley Logman Inc.
- Poon, S. Phau, F. (2000). Future of Small Business E-Commerce. New York: Hungry Minds, Inc
- Roger S. Pressman. (2001). Software Engineering – A Practitioner’s Approach: 5<sup>th</sup> Edition. Singapore : McGraw-Hill
- Safaai Deris et. Al (2002). Kejuruteraan Perisian. Malaysia : McGraw-Hill.
- Suhaimi Ibrahim, Wan Mohd Nasir Wan Kadir (2004). Kejuruteraan Perisian. Malaysia : McGraw-Hill.
- Nik Rahim (2008). Perniagaan Di dalam Islam. Malaysia: Pustaka Hidayah